



جابتن قرتانين دن اكري ماكنن

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

LOGO PEMERIKSAAN VETERINAR (LPV)

Apa dia LPV?

- Logo Pemeriksaan Veterinar (LPV) atau Veterinary Inspected and Passed Logo merupakan lambang kualiti dan keselamatan makanan yang dianugerahkan kepada loji-loji pemprosesan dan pusat penyembelihan hasil ternakan di bawah program Pemeriksaan dan Akreditasi Veterinar Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) Negara Brunei Darussalam.
- Logo ini menandakan bahawa loji pemprosesan dan pusat penyembelihan telah akur sepenuhnya kepada syarat keperluan piawaian minima Good Manufacturing Practices (GMP) untuk menjamin keselamatan makanan.

Kelebihan LPV

- Loji pemprosesan dan pusat penyembelihan mendapat kawalselia yang berterusan daripada Jabatan Pertanian & Agrimakanan.
- Produk dari loji pemprosesan dan pusat penyembelihan yang diiktiraf mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi peluang pasaran.
- Produk yang dihasilkan mempunyai jaminan yang tinggi dari segi kebersihan dan keselamatan makanan.
- Memudahkan permohonan untuk memasuki pasaran luar negara (eksport).
- Tahap keselamatan makanan kepada pengguna lebih terjamin.



Objektif LPV

- Memberikan penganugerahan kepada pengusaha yang telah memenuhi keperluan bagi penggunaan logo Kesihatan Awam Veterinar Jabatan Pertanian & Agrimakanan.
- Memberikan keyakinan kepada pengusaha untuk lebih berusaha ke arah kecemerlangan dalam penghasilan produk tempatan yang bermutu tinggi.
- Memberikan jaminan produk ternakan yang dihasilkan di Negara ini adalah berkualiti dan selamat kepada pengguna.

Penyertaan untuk:

Penyertaan dalam program bersifat sukarela dan terbuka kepada semua loji-loji pemprosesan makanan dan pusat penyembelihan hasil ternakan.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI
UNIT KESIHATAN AWAM VETERINAR,
BAHAGIAN INDUSTRI TERNAKAN DAN
PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERTANIAN & AGRIMAKANAN
ukav@agriculture.gov.bn